



## **Pemeriksaan wanita desa: Kajian ke atas Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW), Kuala Teriang, Langkawi, Kedah**

Nur Hafizah Yusoff<sup>1</sup>, Rahimah Abdul Aziz<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nur Hafizah Yusoff (email: nur\_hafizah@ukm.my)

### **Abstrak**

Wanita hari ini bukan sahaja merupakan seorang isteri, ibu ataupun anak, tetapi juga pekerja bagi menjana pendapatan. Peranan wanita dilihat semakin meluas dan mencakupi pelbagai bidang. Jika dahulu, wanita lebih dilihat berperanan dalam hal ehwal rumah tangga seperti menguruskan rumah, melahirkan dan membesarkan anak-anak, kini, peranan wanita semakin kompleks. Wanita kini bukan sahaja mampu menjana ekonomi keluarga bahkan negara amnya. Di Malaysia, pembangunan negara yang pesat menyebabkan kos sara hidup keluarga juga meningkat. Harga barangan yang kian meningkat menyebabkan ekonomi keluarga perlu lebih utuh. Oleh yang demikian, jika wanita yang dahulunya adalah hanya suri rumah, kini mereka merasa bertanggungjawab untuk membantu suami menjana pendapatan sampingan demi kesejahteraan keluarga mereka. Artikel ini membincangkan peranan wanita yakni isteri dan ibu dalam membantu suami menambah pendapatan keluarga melalui penglibatan mereka dalam Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW). Kajian dilakukan pada tahun 2009 dengan menggunakan kaedah survei dan temu bual mendalam bagi memperoleh data dan maklumat. Hasil kajian menunjukkan bahawa, anggota KEW sememangnya mampu membantu menjana ekonomi keluarga bahkan mereka turut dapat memperkasakan diri mereka melalui pengalaman kerja dan latihan yang diterima.

**Katakunci:** ekonomi keluarga, Kumpulan Ekonomi Wanita, pemeriksaan, pendapatan sampingan, penglibatan, wanita

## **Empowerment of rural women: A study of Women Economic Group (WEG) of Kuala Teriang, Langkawi, Kedah**

### **Abstract**

Women today are not only a wife, mother or daughter but also an income earner. The role of women is seen to be broad and includes various fields. In the past, the role of women were more visible in the of the household affairs such as doing a house keeping job, giving birth to babies and raising them. Now, the role of women is increasingly complex. Women today are not only capable of generating family incomes but also contribute significantly to country's economy in general. In Malaysia rapid economic development has consequently incered family's cost of living. The cost of basic goods has steadily increased which requires economy of the family to be strengthened. If previously women were housewives, today they feel the needs to be more responsible in helping their husbands to earn additional income to sustain the wellbeing of their family. The present article discusses the role of women in helping their husbands earning supplementry family income through their involvement in Women Economic Group (WEG). The study was conducted in 2009 using a survey method and in-depth interviews to obtain data and information. Results of the study showed that members of WEG are able to help generate additional family incomes

and even capable of empowering themselves through their working experiences and trainings that they have undergone.

**Keywords:** additional incomes, empowerment, family economy, involvement, women, Women Economic Group

## Pengenalan

Wanita hari ini bukan hanya seorang isteri atau ibu atau anak perempuan dalam sesebuah keluarga, tetapi juga merupakan pekerja yang turut menjana pendapatan. Peranan wanita kini semakin luas mencakupi pelbagai bidang. Pada masa dahulu, wanita lebih banyak berperanan sebagai suri rumah. Selain melahirkan dan membesarkan anak-anak, tugas utama wanita adalah mengurus hal ehwal rumah tangga seperti mengemas rumah dan menyediakan makan untuk keluarga. Kini, peranan wanita semakin kompleks. Wanita kini bukan sahaja mampu menjana ekonomi keluarga bahkan turut membantu membangun ekonomi dan menjana pendapatan negara. Penglibatan wanita kini amat penting dalam membangunkan sesebuah masyarakat. Wanita tidak seharusnya dipinggirkan dan sebagai sumber manusia, wanita adalah aset yang penting kepada negara (Mowforth & Munt, 1998). Sumber tenaga wanita juga penting bagi meneruskan hala tuju pembangunan sesebuah negara (Hemmati, 2001).

Di Malaysia, pembangunan negara yang pesat menyebabkan kos sara hidup keluarga semakin tinggi. Harga barangan yang kian meningkat menyebabkan ekonomi keluarga perlu lebih utuh. Oleh yang demikian, jika wanita yang dahulunya adalah hanya suri rumah, kini mereka merasa bertanggungjawab untuk membantu suami menjana pendapatan sampingan demi kesejahteraan keluarga mereka. Konsep *division of labour* atau pembahagian kerja yang sebelum ini menentukan wanita hanya berupaya melaksanakan kerja-kerja yang bersifat reproduktif kian berubah seiring dengan pembangunan negara. Wanita bukan sahaja dilihat sesuai untuk melakukan kerja-kerja reproduktif, tetapi juga mampu untuk menjana pendapatan sendiri. Selain itu, dengan peningkatan taraf pendidikan dan latihan maka wanita tidak lagi berterusan hanya menjadi seorang suri rumahtangga (Suryani Motik, 2009). Aspek pemerksaan wanita penting bagi menjamin keutuhan sesebuah keluarga. Pemerksaan golongan wanita, terutama berkaitan dengan pengawalan terhadap diri mereka sendiri, penting bagi memastikan golongan wanita sedar bahawa mereka mempunyai hak terhadap kehidupan dan mereka dapat membuat keputusan untuk menentukan apa yang dikehendaki dalam hidup mereka. Pemerksaan juga penting bagi meningkatkan tahap kesedaran ideologi seseorang yakni berkaitan dengan kepercayaan, perwatakan dan nilai (Jannat Fatema et al., 2012).

Sehubungan dengan hurai di atas, artikel ini bertujuan untuk membincangkan peranan wanita yakni isteri dan ibu terutama dalam bidang ekonomi berskala kecil (IKS) melalui penglibatan mereka dalam Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW) di Kuala Teriang, Langkawi. Dengan adanya bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak, kumpulan wanita di Kuala Teriang ini telah berusaha menjana pendapatan sendiri di samping membantu meringankan beban keluarga masing-masing. Perbincangan dalam makalah ini memberi tumpuan kepada persoalan bagaimana KEW Kuala Teriang meningkatkan aktiviti mereka serta impak sosial dan ekonominya kepada suri rumah terbabit. Impak sosial dan ekonomi dapat dijelaskan berdasarkan kejayaan ahli KEW memperkasakan diri mereka serta keupayaan mengawal diri dalam menentukan hak terhadap kehidupan.

## Kawasan dan kaedah kajian


Kuala Teriang terletak di persisiran pantai dalam Mukim Padang Mat Sirat dalam Daerah Langkawi, Kedah. Majoriti penduduk lelakinya adalah nelayan dan sebahagian besar penduduk wanitanya adalah suri rumah (LADA, 2009). Namun demikian, hasil inisiatif daripada Jabatan Perikanan maka satu industri kecil dan sederhana (IKS) telah dibina di kampung ini melalui Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW). Penubuhan KEW adalah hasil kesedaran pihak Jabatan Perikanan Daerah Langkawi tentang peri

pentingnya meningkatkan peranan kaum wanita supaya mereka menjadi lebih aktif dan peka dalam mengendalikan pemprosesan ikan untuk dijadikan sumber pendapatan. Selain itu, KEW juga ditubuhkan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah golongan nelayan supaya para isteri tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami. Inisiatif pihak Jabatan Perikanan ini adalah selari dengan kehendak Bank Dunia (1995), yang menekankan bahawa sebarang program pembangunan perlu melibatkan dan memberi peluang kepada wanita untuk turut serta. Kaum wanita perlu diberi peluang menjana pendapatan sendiri supaya menjadi lebih berdaya saing.

Kajian dilakukan pada tahun 2009 dengan menggunakan kaedah survei dan temu bual mendalam bagi memperoleh data dan maklumat. Survei dilakukan terhadap kesemua wanita yang bernaung di bawah KEW dan temu bual mendalam pula dijalankan bersama dengan Pengerusi KEW bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan dengan proses pengurusan KEW. Antara soalan yang ditanyakan dalam borang soal selidik termasuklah yang berkaitan dengan sosiodemografi responden, penglibatan mereka dalam KEW berserta faedah dan masalah yang dihadapi oleh mereka sepanjang terlibat dalam KEW.

### Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW)

KEW Kuala Teriang diterajui oleh Puan Che Embon Saad yang bertindak sebagai pengerusi (Rajah 1). Beliau dibantu oleh seorang timbalan pengerusi, seorang setiausaha, seorang naib setiausaha, seorang bendahari dan sembilan orang ahli jawatankuasa. Kepimpinan KEW ini memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti ekonominya dapat berjalan dengan lancar. Ahli KEW yang memegang jawatan juga berperanan memastikan hubungan kerjasama yang baik dapat dikekalkan antara ahli-ahli KEW dan semangat kerja berpasukan dapat dihayati oleh semua ahli KEW. Terdapat seramai 14 orang anggota KEW yang majoritinya adalah isteri para nelayan di Kampung Kuala Teriang.



Rajah 1. Carta organisasi KEW

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, oleh kerana Kuala Teriang berada di persisiran pantai, maka kampung ini juga turut terkena tempas daripada bencana tsunami pada tahun 2004. Akibatnya, bengkel KEW yang terletak di Kampung Batu Ara turut mengalami kemusnahan yang teruk. Pihak Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah membantu menyalurkan bantuan kewangan dan membina semula bengkel KEW. Selepas bencana tsunami, dan selepas pembinaan semula bengkel KEW aktiviti ekonomi dijalankan dengan lebih intensif dan permintaan terhadap produk yang dihasilkan oleh KEW juga meningkat. Antara kelengkapan asas yang dimiliki oleh KEW ialah, sebuah bangunan yang dikenali sebagai bengkel KEW Kuala Teriang, peti sejuk, meja dan kerusi, *hot oven*, dan kelengkapan untuk proses pembungkusan. Antara penyumbang dana kepada KEW ialah, LADA dan Jabatan Perikanan Kedah (Temu bual dengan Pengerusi KEW, 2009).

## **Pemeriksaan wanita melalui KEW**

### *Menghasilkan produk makanan ringan berasaskan hasil laut*

Aktiviti utama KEW ialah menghasilkan snek ringan yang diperbuat daripada ikan bilis. Produk makanan ringan tersebut ialah ikan bilis tiga rasa, muruku ikan bilis dan rempeyek ikan bilis. Ikan bilis tiga rasa adalah produk yang paling popular dan mendapat permintaan yang menggalakkan daripada pelanggan. Ikan bilis diperolehi daripada para nelayan. Menurut anggota KEW ikan bilis yang diperolehi daripada para nelayan adalah segar kerana terus ditangkap dari laut. Ikan bilis itu akan segera dibersihkan dan dijemur bagi memastikan kesegarannya. Menurut Puan Che Embun (Ketua KEW), setiap hari sekurang-kurangnya lima kilogram ikan bilis harus dibersihkan dan dikeringkan sebelum diproses pada keesokan harinya. Oleh kerana bekalan ikan bilis tempatan semakin berkurangan, KEW terpaksa mengimport ikan bilis dari Thailand. Ikan bilis dari negara jiran itu tidak sesegar ikan bilis tempatan kerana telah digaul terlebih dahulu dengan garam bagi memastikan ketahanannya. Namun sekiranya para nelayan tempatan tidak dapat memenuhi permintaan mereka, KEW terpaksa mengimport ikan bilis dari Thailand. Hal ini perlu dilakukan bagi memastikan proses pengeluaran makanan ringan tidak tergendala.

Bagi cara bekerja pula, KEW menerapkan sistem pembahagian tugas (*division of labour*). Para pekerja dibahagikan kepada empat sub kumpulan. Setiap sub kumpulan perlu menghasilkan tiga kilogram ikan bilis kering atau yang belum dimasak setiap hari. Masa bekerja bermula 9.30 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang. Jika ada ahli sub kumpulan tidak datang bekerja, maka ahli dari sub kumpulan yang lain perlu dipanggil untuk mengambil alih tugasnya. Jika ahli daripada sub kumpulan yang ingin diganti tidak hadir, maka ahli dalam sub kumpulan terbabit perlu membayar RM3.00 kepada KEW. Selain itu, setiap sub kumpulan perlu membersihkan lima kilogram ikan bilis setiap hari untuk kegunaan pada hari berikutnya. Sehingga kini, cara bekerja begini didapati berkesan dan ahli-ahli KEW dapat menjalankan hubungan yang baik dengan rakan sekerja (Nur Hafizah Yusoff & Rahimah Abdul Aziz 2010).

Pada September 2006, KEW telah memperkenalkan produk sampingan lain, iaitu muruku dan rempeyek (Foto 1, Foto 2 dan Foto 3). Inisiatif memperkenalkan produk sampingan ialah bagi mempelbagaikan produk sedia ada dan memberi lebih pilihan kepada para pelanggan. Semua produk makanan ringan yang dikeluarkan oleh KEW boleh didapati secara terus di bengkel KEW yang terletak di Kampung Batu Ara. Selain itu, para pelanggan juga kini boleh mendapatkan produk makanan ringan tersebut di stesen minyak seluruh Langkawi. Kini dengan bantuan daripada pihak swasta seperti Haji Ismail Group, produk ikan bilis tiga rasa, muruku dan rempeyek KEW boleh didapati di kedai Haji Ismail Group. Selain itu, pemasaran juga kian diperluaskan ke beberapa pasar raya di sekitar Langkawi. Malah, dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), kini produk KEW boleh didapati di negeri-negeri lain seperti Perlis, Pulau Pinang dan Perak (Bernama, 2008).

Selain itu, bagi memberikan peluang pemasaran produk yang lebih luas kepada KEW, FAMA juga telah melancarkan Agro Bazaar yang terletak di Kuala Muda, Langkawi (Foto 4). Agro Bazaar ialah satu kawasan yang didirikan untuk memberi peluang kepada usahawan tempatan memasarkan produk mereka. Agro Bazaar Kuala Muda mula dibuka pada Oktober 2009, KEW juga tidak melepaskan peluang menjual

produk mereka di tempat tersebut. Dengan pelan pemasaran yang dirangka kini, anggota KEW menjangkakan bahawa produk makanan ringan mereka akan dapat menembusi pasaran seluruh negara satu hari nanti (Temubual dengan Pengerusi KEW, 2009).



Foto 1. Produk ikan bilis tiga rasa



Foto 2. Produk rempeyek ikan bilis



Foto3. Produk rempeyek



Foto 4. Tempat jualan KEW di Agro Bazaar Kuala Muda

### *Mengadakan bengkel, latihan dan lawatan sambil belajar*

Bagi meningkatkan keupayaan anggota KEW, beberapa bengkel, latihan dan latihan sambil belajar telah diatur. Bengkel Pembangunan Ekonomi Setempat telah diadakan pada Mei 2006 dengan tujuan memberi pengetahuan dan pemahaman kepada anggota KEW tentang cara mengurus dan mentadbir aktiviti ekonomi. Seramai tiga orang anggota KEW terlibat dalam Bengkel Pembangunan Ekonomi Setempat. Selain itu, terdapat beberapa kursus dan latihan berkaitan pemprosesan bahan mentah telah dilaksanakan. Antaranya ialah, Kursus Pemprosesan Ikan Kering yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan Kedah pada September 2005 (disertai oleh empat orang anggota KEW). Selain itu, terdapat juga kursus pemprosesan bebola ikan yang diadakan di Pulau Pinang pada Mei 2004 yang disertai oleh empat orang anggota KEW. Kedua-dua kursus pemprosesan bahan mentah tersebut adalah penting kepada anggota KEW bagi memahami proses bahan mentah. Dalam kursus berkenaan, anggota KEW juga diperkenalkan dengan mesin pemprosesan. Hal ini penting bagi memberi pendedahan awal kepada anggota KEW tentang alatan teknologi agar mereka tidak berasa kekok apabila menggunakannya dan juga mengenai selok-belok menguruskan KEW. Oleh yang demikian, bengkel tersebut diadakan sekali sahaja dan bukannya merupakan aktiviti tahunan. Ilmu yang peserta dapat daripada bengkel dan kursus pendedahan tersebut, dikongsi bersama dengan anggota KEW yang lain dan seterusnya mereka mengaplikasikan ilmu itu dalam kegiatan ekonomi mereka.

Oleh kerana permintaan terhadap makanan ringan yang dikeluarkan oleh KEW semakin meningkat, kuantiti jualan juga bertambah dan isipadu aliran tunai meningkat, maka kursus berkenaan perakaunan dan pemasaran juga diberikan kepada anggota KEW. Kursus ini mendedahkan kepada anggota KEW kepada cara menyimpan rekod pengeluaran dan pemasaran makanan ringan mereka dengan lebih sistematik. Bagi menambahkan lagi pengetahuan berkenaan perakaunan, satu kursus Penyimpanan dan Pengurusan Akaun telah diadakan pada Jun 2004. Dalam kursus tersebut, anggota KEW telah diperkenalkan dengan empat buku lejar asas iaitu, lejar umum, lejar bahan mentah, lejar produk dan lejar pekerja. Dengan pengetahuan berkaitan buku lejar asas berkenaan, diharapkan anggota KEW dapat menyimpan semua data secara sistematik, dan dapat dijadikan bahan rujukan apabila diperlukan, terutama, apabila membuat laporan tahunan kepada Jabatan Perikanan dan pihak SEAFDEC. Dengan adanya, penyimpanan dalam bentuk akaun, akan memudahkan setiap anggota KEW membuat rujukan (Laporan Tahunan KEW, 2009). Adalah satu pencapaian yang membanggakan apabila anggota KEW dapat menyediakan buku akaun yang sistematik dengan menunjukkan jumlah pendapatan, jumlah keluaran produk, jumlah modal dan jumlah keuntungan yang diperoleh setiap bulan.

Program lawatan sambil belajar pula telah diadakan bagi memberi peluang kepada anggota KEW melihat sendiri aktiviti ekonomi yang dijalankan di kawasan lain. Lawatan sambil belajar ke wilayah Chumphon, Thailand, telah dilakukan pada Mei 2004. Objektif lawatan ke Thailand itu, ialah memberi pendedahan kepada anggota KEW tentang cara mengendalikan mesin berteknologi dan cara memproses bahan mentah. Selain itu, lawatan ini juga memberikan pengetahuan tentang bagaimana memberi nilai tambah kepada produk sedia ada melalui pembungkusan yang menarik. Semasa lawatan tersebut juga, anggota KEW digalakkan mengemukakan soalan dan bertukar-tukar pendapat berkenaan aktiviti ekonomi berasaskan sumber pantai (marin) dengan isteri para nelayan di wilayah Chumphon.

Kebanyakan bengkel dan kursus yang diadakan disertai oleh kesemua anggota KEW dan mereka menyatakan bahawa mereka memberikan sepenuh komitmen dalam setiap bengkel dan kursus yang disertai. Sebagai contoh, Bengkel Pengurusan Perakaunan yang telah disertai oleh anggota KEW. Bagi informan, setiap anggota KEW perlu memahami cara pengurusan dan penyimpanan perakaunan, seterusnya mereka dapat mengendalikan akaun mereka dengan lancar. Selain itu, kesemua anggota KEW juga terlibat dalam kursus dan lawatan ke Kuala Terengganu pada tahun 2005. Semasa berada di Kuala Terengganu, semua responden didedahkan dengan cara pemprosesan bahan makanan ringan seperti keropok lekor, bebola ikan dan kek ikan. Informan menambah, mereka amat teruja jika lebih banyak kursus dan bengkel diadakan kerana mereka dapat menambah pengetahuan tentang cara meningkatkan mutu produk dan memasarkan produk pada tahap yang lebih tinggi (Temu bual dengan ahli KEW, 2009).

Selain itu, informan juga menyatakan bahawa mereka terlibat dalam proses pembuatan keputusan bersama Jabatan Perikanan. Mereka dijemput bersama-sama dalam setiap mesyuarat yang diadakan. Semasa mesyuarat bulanan yang diadakan, pihak Jabatan Perikanan akan memanggil Pengerusi dan Timbalan pengerusi KEW serta setiausaha untuk bersama-sama membincangkan masalah yang mungkin wujud dalam KEW. Jika terdapat sebarang masalah, maka selaku wakil anggota KEW, Puan Che Embun akan menerangkan masalah yang dihadapi dan akan berbincang dengan wakil pihak Jabatan Perikanan bagi mencari penyelesaian. Lazimnya, mesyuarat bulanan yang diadakan bersama anggota KEW ialah untuk memantau aktiviti bulanan KEW dan pendapatan yang diperoleh (Temu bual dengan Che Embun, 2009). Hasil daripada penglibatan anggota KEW, mereka telah berjaya memperkasakan diri mereka. Mereka mempunyai akses kepada pendidikan, dilibatkan dalam pelbagai aktiviti yang dirancang oleh agen pembangunan serta mempunyai hubungan yang baik dengan pihak berkepentingan yang lain seperti pihak KPSP, pelancong, FAMA dan Jabatan Perikanan sendiri.

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh disimpulkan bahawa penglibatan anggota KPSP berada pada tahap Penglibatan Berperanan. Menurut Mowforth dan Munt (1998: 241), pada tahap penglibatan berperanan, penglibatan komuniti dilihat penting bagi mencapai objektif program pembangunan. Pada tahap ini, pendapat anggota komuniti juga didengar oleh agen pembangunan. Jika pendapat yang dikemukakan adalah bersesuaian, maka agen pembangunan akan mengambil kira pendapat yang telah dikemukakan oleh anggota komuniti itu. Umumnya, rasional penyertaan dalam kalangan anggota KEW dibuat berdasarkan insentif kewangan atau gaji. Selain itu, rasional mereka memilih menyertai KEW

adalah kerana faktor masa. Responden mempunyai masa yang sangat banyak kerana mereka adalah suri rumah. Oleh yang demikian, dengan melibatkan diri dalam KEW bukan sahaja membolehkan mereka mendapat gaji setiap bulan, tetapi juga dapat mengisi masa yang terluang dengan aktiviti yang berfaedah. Bermula daripada tidak berpengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan sebuah perniagaan, kini ahli KEW Kuala Teriang telah banyak mengetahui selok belok perniagaan dan mahir dengan pelbagai bentuk akaun. Produk mereka pula sering dibawa ke pameran IKS seluruh Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa wanita yang terlibat dalam KEW dapat memperkasakan diri mereka

### Kepentingan KEW kepada ahli-ahlinya

Lazimnya, setiap organisasi yang diceburi menjanjikan pulangan atau manfaat kepada pesertanya. Sama jua halnya dengan program KEW. Antara manfaat utama yang diterima oleh anggota KEW adalah pendapatan tambahan secara bulanan dan ini secara tidak langsung dapat membantu suami dan keluarga (Jadual 1).

**Jadual 1. Manfaat daripada program KEW**

Manfaat daripada KEW	Bilangan peserta	Peratus
Menambah pendapatan keluarga (membantu suami dalam menyediakan keperluan rumah tangga)	10	71.4
Mempunyai pendapatan sendiri (dapat membelanjakan wang membeli barang kemas dan perabot rumah)	4	28.6
Jumlah	14	100

Seramai 10 orang responden KEW atau 71.4 peratus menyatakan bahawa dengan melibatkan diri dalam program KEW telah membantu mereka menambah pendapatan keluarga. Jika sebelum ini mereka hanya bergantung kepada pendapatan suami untuk urusan perbelanjaan rumah tangga, kini responden sudah dapat membantu suami masing-masing. Pendapatan sekitar RM400-RM500 sebulan boleh dianggap sebagai suatu amaun tambahan yang agak besar. Dengan adanya pendapatan tambahan, responden dapat menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan dapur. Menurut responden lagi, jika terdapat wang berlebihan, mereka lazimnya akan menyimpan di bank, Lembaga Tabung Haji atau institusi kewangan lain sebagai langkah berjaga-jaga seumpama 'menyediakan payung sebelum hujan'.

Sebanyak 28.6 peratus responden yang lain pula menyatakan bahawa manfaat daripada penglibatan mereka dalam program KEW ialah, mereka mempunyai pendapatan sendiri. Jika dahulu mereka hanyalah seorang suri rumah, namun kini mereka sudah mempunyai kerjaya dan mempunyai pendapatan bulanan sendiri. Menurut responden, pendapatan bulanan yang diterima dianggap sebagai bonus untuk diri sendiri kerana mereka dapat menggunakan wang tersebut untuk membeli apa yang diinginkan tanpa perlu terlalu mengharap wang daripada suami. Jika dahulu, responden terpaksa menunggu wang daripada suami untuk membeli sesuatu, tetapi kini tidak perlu menunggu sebaliknya mereka menggunakan wang sendiri. Antara barangan yang responden beli dengan menggunakan wang sendiri ialah barang kemas dan perabot rumah (sofa, meja makan dan sebagainya). Manakala, wang yang diberi oleh suami akan digunakan untuk perbelanjaan harian dan persekolahan anak-anak.

Selain manfaat dari segi kewangan, responden turut menyatakan bahawa mereka mendapat manfaat dari segi ilmu pengetahuan. Mereka bukan sahaja mengetahui tentang ilmu menghasilkan pelbagai pelbagai produk makan ringan tetapi juga turut berpengetahuan tentang pemasaran produk, menubuhkan dan menguruskan perniagaan. Dengan adanya lawatan sambil belajar, pelbagai latihan dan bengkel, responden yang sebelum ini ada yang tidak bersekolah, kini mampu menyediakan akaun sendiri. Mereka sudah mahir tangan pengendalian akaun perniagaan Semua ini hasil usaha keras responden yang ingin



belajar dan dibantu oleh pihak Jabatan Perikanan yang mahukan kaum wanita Kuala Teriang diperkasakan.

### Masalah dan penyelesaian masalah oleh anggota KEW

Apabila terlibat dalam sesuatu program pembangunan, bukan sahaja peserta mendapat manfaat, tetapi peserta juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah atau cabaran. Antara masalah yang dikenal pasti wujud dalam program pembangunan KEW ialah masalah sumber bahan mentah, iaitu ikan bilis. Para responden menyatakan bahawa sumber ikan bilis semakin berkurangan. Hal ini turut diakui oleh para nelayan yang menyatakan hasil tangkapan ikan bilis telah berkurangan sekitar 50 peratus. Jumlah ini disifatkan terlalu banyak kerana akibatnya mereka tidak mampu menampung permintaan KEW untuk bekalan ikan bilis. Selain itu, oleh kerana kekurangan ikan bilis, pihak KEW terpaksa mengenakan harga yang tinggi ke atas produk makanan ringan mereka. Jika dahulu, sekitar tahun 2008 satu paket ikan bilis tiga rasa dijual dengan harga serendah RM3.50. Kini, KEW terpaksa menaikkan harga kepada RM5.00 sebungkus. Situasi ini berlaku kerana kurangnya bekalan ikan bilis oleh para nelayan, bahkan juga kurangnya bekalan ikan bilis dari nelayan lain di Langkawi. Masalah kekurangan ikan bilis diatasi dengan cara membeli ikan bilis daripada negara jiran iaitu, Thailand. Namun demikian, terdapat juga rungutan daripada ahli-ahli KEW bahawa kualiti ikan bilis Thailand tidak sama dengan kualiti ikan bilis Langkawi. Hal ini kerana, ikan bilis Thailand telah digaul dengan garam bagi menjamin ketahanannya. Oleh kerana tiada pilihan, maka anggota KEW terpaksa menggunakan juga ikan bilis berkenaan bagi memastikan proses pengeluaran makanan ringan berterusan setiap hari. Apabila kurangnya bekalan, harga yang dikenakan menjadi lebih mahal iaitu sekilogram RM28.00. Bagi memastikan KEW tidak mengalami kerugian, maka mereka terpaksa menaikkan harga produk makanan ringan. Tambah responden lagi, pada awalnya mereka menerima rungutan daripada pembeli kerana kenaikan harga, namun setelah diterangkan masalah mereka kepada pelanggan, maka pelanggan dapat memahami mengapa KEW terpaksa menaikkan harga produk mereka (Temu bual dengan Pengerusi KEW, 2009).

Selain daripada masalah bahan mentah, terdapat beberapa masalah lain yang dihadapi oleh anggota KEW. Antaranya ialah masalah dalam mengendalikan alatan berteknologi dan masalah masa bersama keluarga (Jadual 2).

**Jadual 2. Masalah yang dihadapi oleh anggota KEW**

Jenis masalah	Bilangan	Peratus
Masalah mengendalikan alatan berteknologi (tidak mempunyai pengetahuan mengendalikan alatan berteknologi)	11	78.6
Masalah masa bersama keluarga (waktu kerja selama 8 jam sehari menyebabkan responden merasakan masa mereka bersama keluarga gak terhad berbanding semasa mereka bergelar suri rumahtangga sepenuh masa)	3	21.4
Jumlah	14*	100.0

\*Angka ini hanya merujuk kepada anggota KEW yang mempunyai masalah

Berkaitan masalah mengendalikan alatan berteknologi seperti mesin pemrosesan bahan mentah, seramai 11 orang responden menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah ini. Oleh kerana, sebelum ini semua responden merupakan suri rumah sepenuh masa, maka pengetahuan mereka tentang mesin berteknologi agak terhad. Ini bermakna mereka perlu banyak belajar supaya dapat menggunakan teknologi yang disediakan itu dengan lebih berkesan. Kini keadaan menuntut mereka mengetahui tentang teknologi yang hendak dikendalikan, maka mereka telah menghadiri latihan dengan ahli-ahli KEW yang lain dan sering bertanya kepada pegawai Jabatan Perikanan jika tidak memahami sesuatu perkara. Kini,



setelah hampir enam tahun terlibat dalam KEW, mereka sudah tidak mempunyai masalah dalam mengendalikan alatan teknologi lagi.

Manakala tiga orang responden pula menyatakan mereka menghadapi masalah berkaitan masa bersama keluarga. Sebelum menyertai KEW, mereka mempunyai banyak masa terluang dan dapat menghabiskan masa bersama anggota keluarga terutama anak-anak. Namun, setelah menyertai KEW, masa mereka untuk bersama dengan anak-anak agak terhad. Waktu bekerja mereka adalah lapan jam sehari dan itu bermakna mereka kekurangan lapan jam bersama dengan keluarga. Keadaan ini menjadi bertambah sukar bagi responden yang mempunyai anak kecil dan anak yang masih bersekolah. Bagi responden yang mempunyai masalah membahagikan masa dengan keluarga pula, mereka mengambil inisiatif mengadakan perbincangan bersama anggota keluarga. Oleh kerana responden sudah terbiasa menjadi suri rumah dan menghabiskan masa dengan keluarga, keadaan pada peringkat awal penglibatan diri dengan KEW adalah agak sukar. Kesukaran bukan dari segi menguruskan makan minum, tetapi kekurangan masa untuk bersama anak-anak. Namun, setelah berbincang dengan suami dan anak-anak, mereka mencapai persetujuan bahawa penglibatan diri dengan KEW tidak akan menjejaskan masa bersama anak-anak dan keluarga. Hal ini kerana, waktu bekerja dalam KEW adalah agak fleksibel mengikut giliran. Selain itu, mereka bekerja hanya lapan jam sehari. Tambahan pula, lokasi bengkel KEW adalah berdekatan dengan rumah mereka dan ini memudahkan responden untuk pulang menjenguk anak-anak ketika waktu rehat. Atau, anak-anak juga boleh datang berjumpa dengan ibu mereka jika terdapat sebarang masalah. Bagi responden yang mempunyai anak kecil pula, mereka menyatakan anak kecil ditinggalkan bersama ayah dan ibu yang tinggal berdekatan. Sebagai menghargai jasa ayah dan ibu menjaga anak mereka, responden turut membelikan sesuatu berupa makanan atau pakaian kepada ayah dan ibu mereka. Menurut responden, sokongan keluarga seperti ini amat penting bagi memastikan keterlibatan mereka dalam KEW dapat diteruskan.

## Kesimpulan

KEW yang diwujudkan oleh Jabatan Perikanan daerah Langkawi telah memberi peluang pekerjaan kepada wanita di Kuala Teriang, dengan itu mengisi masa senggang mereka di samping dapat membantu suami masing-masing menambah pendapatan keluarga dengan gaji yang diterima. Jadual kerja yang fleksibel memudahkan para wanita ini bekerja tanpa menjejaskan tugas mengurus keluarga. Anggota KEW ini juga selain dapat membantu menjana ekonomi keluarga, mereka juga dapat belajar perkara baru dan akhirnya dapat memajukan diri mereka. KEW sangat sesuai untuk dijadikan strategi memperkasa wanita desa di samping memajukan ekonomi luar bandar di negara ini secara umumnya.

## Rujukan

- Bank Dunia (1995) *Gender issues in participation*. © World Bank, Washington, DC. Available from: <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/11670>
- Bernama (2008) Pengeluaran ikan bilis dipelbagaikan (23 April 2008).
- Hemmati M (2001) *Women & sustainable development*. Earthscan, London.
- Jannat Fatema, Chamsuri Siwar, Sharina Abd Halim (2012) Women empowerment and socio-economics impact of participation in NGO activities in rural Bangladesh. *International Journal of Social Science, Economics & Art* 2, 13-18. ISSN 2088-5342.
- Lembaga Pembangunan Langkawi (2009) Laporan Tahunan 2009. LADA, Langkawi.
- Mowfoth Munt (1998) *Tourism and sustainability: New tourism in the third world*. Routledge, London.
- Nur Hafizah Yusoff, Rahimah Abdul Aziz (2010) Kelestarian Langkawi geopark: Penglibatan komuniti Kuala Teriang. *Akademika* 78, 95-101.
- Suryani Motik (2009) Significant role of women entrepreneurs in economic development. *5th Women Leader Meeting 2009*. Singapore.